

Malaysia mencatatkan sejarah tersendiri apabila nuncul penerima pingat mas terbanyak pada Korea Cyber International Genius Inventor Fair (CIGIF2012) yang berlangsung di Convention Center, Chung Mu Art Hall, Korea Selatan, baru-baru ini.

Delegasi penyelidik Malaysia yang diterajui oleh Penyelidik Muda Invex Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mencatatkan kejayaan 100 peratus apabila meraih 11 anugerah emas, 27 perak dan 12 perunggu menerima 46 anugerah di CIGIF 2012.

Selain kumpulan penyelidik UniMAP, delegasi negara turut disertai Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra, Sekolah Menengah Sains Selangor, Kolej Tunku Kurshiah, Sekolah Menengah Sains Tapah, Maktabah Sains MARA Tun Abdul Razak, Pahang, Sekolah Menengah Sains Pokok Sena dan Sekolah Menengah

Malaysia menang banyak emas di Korea

Kebangsaan Datuk Sheikh Ahmad serta sekolah tajaan Jabatan Pelajaran Sabah.

UniMAP lapan emas

Pingat emas utama kontinjen Malaysia disumbangkan UniMAP yang meraih lapan emas, diikuti sekolah tajaan Jabatan Pelajaran Sabah tiga emas, UPM dan Kolej MARA Kuala Nerang masing-masing menyumbangkan dua emas manakala penyelidik lain, satu emas.

Selain emas, kontinjen Malaysia turut menerima dua anugerah tertinggi menerusi produk 'Portable Green Energy', inovasi ciptaan Seko-

lah Menengah Sains Selangor iaitu Anugerah Korean Invention News Grand Award serta Anugerah Semi Grand Award menerusi produk 'Nutty Notty' dari Sekolah Raja Perempuan Taayah.

Tiga lagi anugerah khas disumbangkan UniMAP menerusi produk 'Novel Multipurpose Geopolymer Coating', 'POLYCARD: New Interior Automotive Part from Natural Fibre' dan 'A Novel An Environmental Friendly Cement and Concrete'.



Kumpulan penyelidik Malaysia yang meraih kejayaan besar di CIGIF2012, Seoul, Korea Selatan.

Acara tahunan

CIGIF 2012 ialah acara tahunan anjuran sejak 2012 disertai 30 negara dengan penyertaan lebih 250 produk.

Kontinjen Malaysia diketuai Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik UniMAP, Dr Mukhzeer Mohamad

Shahimin yang juga Pengerusi Kelab Penyelidik Muda Invex.

Sementara itu, Naib Canselor UniMAP, Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin berkata, pencapaian cemerlang penyelidik kelab berkenaan membuktikan penyelidikan dan inovasi pelajar tempa-

tan setaraf dengan standard antarabangsa.

"Kemenangan ini membuktikan Malaysia berjaya melahirkan penyelidik daripada peringkat sekolah hingga produk yang dicipta dapat mengharumkan nama negara tercinta," katanya.